KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELUNCURAN AMALAN HIJAU TVET@KKDW "BESTARI & LESTARI"

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) hari ini menganjurkan Majlis Peluncuran Amalan Hijau TVET@KKDW bertempat di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong, Perak. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah sebagai simbolik pelaksanaan inisiatif menyeluruh ke arah pemerkasaan amalan hijau dalam ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

KKDW mendukung agenda pembangunan mampan serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) negara melalui pelaksanaan beberapa inisiatif strategik. Antara komponen utama inisiatif ini termasuklah pengurusan tenaga dan air yang cekap, penggunaan pengangkutan lestari, pengurusan sisa secara sistematik, pengekalan dan penambahan kawasan hijau, serta integrasi pendidikan pembangunan lestari (ESD) dalam kurikulum.

Majlis hari ini turut memperkenalkan Sistem Penarafan Daun Hijau iaitu satu mekanisme pengiktirafan institusi berdasarkan pelaksanaan amalan hijau. Sistem ini bukan sahaja memberi galakan ke arah penambahbaikan berterusan, tetapi juga memupuk budaya persaingan sihat dan perkongsian amalan terbaik antara institusi.

Sebagai manifestasi kejayaan awal, tiga institusi TVET di bawah KKDW telah tersenarai dalam *UI GreenMetric World University Rankings* 2024 yang sekaligus membuktikan kemampuan institusi tempatan bersaing di peringkat antarabangsa dalam aspek kelestarian, iaitu:

i. KKTM Sri Gading;
ii. IKM Seberang Perai Utara; dan
iii. GIATMARA Pasir Gudang.

Majlis Peluncuran ini merupakan kemuncak Program Jerayawara Advokasi Amalan Hijau TVET@KKDW yang telah dilaksanakan di institusi TVET di bawah KKDW

terpilih di seluruh negara bagi memastikan pemahaman dan pelaksanaan bersepadu di peringkat akar umbi.

Majlis peluncuran ini mencerminkan iltizam KKDW untuk menjadikan institusi TVET di bawahnya sebagai peneraju transformasi ke arah pembangunan mampan dan ekonomi hijau. Ia juga menandakan permulaan penting dalam pembentukan tenaga kerja masa depan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi, tetapi juga prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti luar bandar serta wilayah.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
17 Julai 2025